

19 JUL 1999

DR MAHATHIR, LANCAR MODEL BARU MOTOSIKAL MODENAS

GURUN, 19 Julai (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini melancarkan model terbaru motosikal Modenas - BN 175 yang juga dikenali sebagai Jaguh, di kilang Motosikal dan Enjin Nasional (Modenas) di sini.

Jaguh merupakan model kedua selepas Kriss 110cc yang dilancarkan pada 14 Jun, 1996.

Model terbaru itu dengan enjin empat lejang berkuasa 175cc nampak lebih bergaya dengan bentuk badan yang lebih rendah dan panjang.

Harga jualan Jaguh yang disyorkan ialah RM7,500 termasuk cukai jalan separuh tahun, yuran pendaftaran, plat nombor dan perlindungan insurans menyeluruh bagi seorang penunggang.

Lebih kurang 230,000 unit Modenas Kriss telah di jual di seluruh negara sehingga hari ini dan Kriss menguasai 45 peratus daripada pasaran bagi motosikal empat lejang lebih 100cc di negara ini.

Modenas, sebuah anak syarikat DRB-Hicom Group dengan modal berbayar RM100 juta, merupakan pengeluaran motosikal nasional dan enjin kecil pelbagaiguna.

-- BERNAMA

JM PR